

04 JAN 2000

TIADA PERTANDINGAN BOLEH KUKUHKAN UMNO

PORT DICKSON, 4 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad hari ini berkata keputusan Majlis Tertinggi Umno mengesyorkan supaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicalonkan semula sebagai presiden parti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Timbalan Presiden dan kedua-duanya tidak ditentang akan dapat mengukuhkan Umno.

Beliau berkata tiadanya pertandingan kedua-dua jawatan itu tidak bererti Umno tidak mengamalkan demokrasi kerana yang perlu dilihat dalam konteks ini ialah anggota mesti memikirkan tentang perpaduan dalam parti lebih daripada yang lain.

Parti tidak akan rugi walaupun mungkin ia tidak menyenangkan beberapa pihak, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan hari raya kepada fakir miskin dan orang tua Kampung Sungai Raya dan Kampung Bukit Tembok di Pasir Panjang, dekat sini.

Mohamed Isa berkata bahawa apabila ada pertandingan khususnya bagi jawatan presiden dan timbalan presiden parti, kadangkala saingan begitu sengit dan ini akan menyebabkan perpecahan.

"Untuk mengukuhkan semula kesatuan selepas itu, ia mengambil masa panjang dan kesan sampingannya berterusan hingga beberapa tahun," katanya.

-- BERNAMA

AZ MAI